

Untuk mendapat pekerjaan dan
melanjutkan pelajaran

Mereka lulus ujian dari kem latihan diutamakan - PM

di - M - overseas trips.

30 SEP 1986

Dari Wartawan Utusan

NEW YORK 29 Sept. — Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad mengumumkan, hanya mereka yang lulus ujian dari kem latihan yang akan diwujudkan nanti, akan diberi peluang untuk mendapat pekerjaan dan melanjutkan pelajaran.

Beliau berkata, langkah ini bertujuan untuk mewujudkan sebuah masyarakat yang berperibadi dan "bukannya penjenayah - penjenayah yang terpelajar."

Bercakap pertemuannya dengan pelajar - pelajar Malaysia di Amerika di sini semalam, Perdana Menteri berkata, kem itu akan memberikan latihan jasmani dan rohani meliputi kerja berat supaya mereka yang menyertainya mempunyai peribadi yang tinggi, tahu menilai persekitaran dan juga tidak membazir serta mempunyai daya ketahanan.

Olehnya ditegaskan bahawa kekuatan sebuah negara dan bangsa tidak hanya bergantung kepada masyarakat yang berpengetahuan tetapi juga kepada masyarakat yang mempunyai sistem hidup yang memberikan penilaian kepada peribadi yang baik.

Beliau kemudian mengemukakan sebagai bukti bagaimana orang-orang terpelajar telah menjadi penjenayah - penjenayah di dalam kes BMF, Pan-El dan dalam koperasi serta beberapa buah bank lain yang menyebabkan ribuan juta ringgit wang negara dan rakyat hilang.

Katanya, orang - orang yang menghilangkan wang itu adalah orang yang terpelajar yang datang dari keluarga yang baik tetapi telah menjadi gelap mata bila berhadapan dengan wang.

"Kita memberikan kepercayaan kepada mereka kerana kelulusan mereka. Kita tidak membenarkan mereka meluluskan pinjaman lebih dari satu juta ringgit tetapi mereka meluluskan hingga lima juta ringgit dengan memecahkan pinjaman itu kepada lima kali," kata beliau.

Menurutnya, ada pula yang dilantik menjadi pengurus koperasi dan kemudian membuat pinjaman untuk diri sendiri bagi membeli rumah dan rumah itu dijual kepada koperasi yang diuruskan dengan harga yang berganda.

"Ini pandai, tetapi pandai menipu," kata Datuk Sri Dr. Mahathir sambil bertanya apakah kita mahu masyarakat terpelajar yang penipu atau masyarakat pelajar yang bersih.

Beliau lalu mengumumkan bahawa sebagai langkah persediaan menghadapi masalah masa depan, kerajaan akan mengadakan kem - kem latihan seperti Dusun Tua

yang akan memberikan penumpuan kepada pembentukan peribadi masyarakat dengan pelajaran akhlak sebagai salah satu dari pendidikannya.

Hanya mereka yang lulus dari kem ini sahaja yang akan diberi peluang kerja dan belajar, katanya.

"Kita mahu mempunyai masyarakat yang berperibadi di samping tahu menggunakan akal fikiran di dalam kemajuan yang sofistikated," tegas beliau.

Perdana Menteri berkata: "Kita berkehendakkan negara dipenuhi oleh orang - orang yang terlatih dan cekap supaya mereka dapat menolong memajukan negara dari segi sosial dan ekonomi dan dengan itu rakyat mendapat kemudahan - kemudahan penting yang dikehendaki di dalam kehidupan manusia."

Beliau mengingatkan pelajar - pelajar bahawa kejayaan sesuatu bangsa bergantung kepada kekuatan peribadinya.

"Kalau kita diberikan tanggungjawab dan menjalankan tanggungjawab itu dan kita tidak menipu maka kita akan berjaya. Maka itu kita mesti mempunyai peribadi yang sesuai dengan tanggungjawab kita," tegasnya.

Beliau menambah: "Kalau kita mempunyai nilai hidup yang kuat maka kita akan menolak perkara - perkara yang tidak baik."